



TENAGA BURUH, NOVEMBER 2023



TENAGA BURUH MALAYSIA, NOVEMBER 2023

Kadar pengangguran November kembali kepada paras prapandemik iaitu 3.3 peratus, mencatatkan 569.2 ribu orang penganggur

KADAR PENGANGGURAN



▼ 0.3mp ▼ 0.1mp

3.3%

Okt. 2023 : 3.4%

Kadar pengangguran November turun kepada 3.3 peratus dan kembali kepada paras prapandemik

PENGANGGUR



▼ 5.3% ▼ 0.3%

Nov. 2023
569.2 ribu

Okt. 2023
570.9 ribu

Pengangguran mengikut kategori
Penganggur aktif

79.9%

Okt. 2023 457.2 ribu
Nov. 2023 **454.5 ribu**

▼ 6.9% ▼ 0.6%

Penganggur tidak aktif

20.1%

Okt. 2023 113.8 ribu
Nov. 2023 **114.7 ribu**

▲ 1.6% ▲ 0.8%

Peratus perubahan (tahun ke tahun) mp Mata peratus
Peratus perubahan (bulan ke bulan) ↔ Tidak berubah

PENDUDUK BEKERJA




▲ 2.0% ▲ 0.2%

Nov. 2023
16.43 juta

Okt. 2023
16.40 juta

Penduduk bekerja mengikut
taraf pekerjaan



75.3 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada November 2023 adalah dalam kategori pekerja

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB)

70.1%

▲ 0.3mp ↔ 0.0mp

KPTB pada November 2023 kekal pada 70.1 peratus

KPTB mengikut jantina



82.9%
56.4%

TENAGA BURUH



Nov. 2023
17.00 juta

Okt. 2023
16.97 juta

▲ 1.7% ▲ 0.2%

LUAR TENAGA BURUH

Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komposisi utama luar tenaga buruh

Kerja rumah/
tanggungjawab keluarga

Bersekolah/ latihan




42.6%



41.1%

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Penganggur dan kadar pengangguran, November 2022 - November 2023



Kadar pengangguran November kembali kepada paras prapandemik iaitu 3.3 peratus, mencatatkan 569.2 ribu orang penganggur

- Bilangan **tenaga buruh** terus mencatatkan peningkatan pada bulan November 2023, naik sebanyak **0.2 peratus** bulan-ke-bulan kepada **17.0 juta orang** (Oktober 2023: 16.97 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh** pada November 2023 kekal pada **70.1 peratus**, sama seperti pada bulan sebelumnya.
- Bilangan **penganggur** pada November 2023 terus menunjukkan penurunan dengan pengurangan sebanyak **0.3 peratus** kepada **569.2 ribu orang** (Oktober 2023: 570.9 ribu orang).
- **Kadar pengangguran** pada bulan tersebut turun kepada paras prapandemik iaitu **3.3 peratus** berbanding 3.4 peratus yang direkodkan pada bulan lalu.
- Bilangan **penduduk bekerja** pada bulan November 2023 terus meningkat dengan pertambahan sebanyak **0.2 peratus** bulan-ke-bulan, mencecah kepada seramai **16.43 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2023: 16.40 juta orang).
- Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus meningkat, terutamanya dalam aktiviti **Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; serta Pengangkutan & penyimpanan**. Begitu juga, sektor **Pembuatan, Pembinaan, dan Perlombongan & pengkuarian** turut menunjukkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada November 2023. Manakala, sektor Pertanian merekodkan penurunan dalam penduduk bekerja pada bulan yang sama.
- Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan **luar tenaga buruh** pada bulan tersebut berada dalam trend penurunan, dengan sedikit pengurangan iaitu sebanyak **0.03 peratus** merekodkan **7.24 juta orang** (Oktober 2023: 7.24 juta orang).

